

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DENGAN IJM PLANTATION SDN. BHD.

Bagi pihak universiti, saya mengalu-alukan ketibaan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Anifah Hj. Aman iaitu Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Kementerian Perusahaan Utama, kerana sudi meluangkan masa menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU*) di antara UMS dengan IJM Plantation Sdn. Bhd yang amat besejarah bagi kedua-dua pihak dalam usaha memeterai satu lagi kerjasama pintar untuk pembangunan dan penyelidikan iaitu berkaitan produktiviti kelapa sawit.

Sokongan Kerajaan

Kerajaan begitu komited dalam membantu meningkatkan aktiviti penanaman dan pengeluaran kelapa sawit dengan memperkenalkan pelbagai skim. Sebagai contoh, kerajaan telah memperkenalkan Skim Penanaman Semula (*Replanting Scheme*) dengan insentif sebanyak RM1,000.00 bagi satu hektar ladang yang ditanami dengan pokok kelapa sawit yang berusia 25 tahun ke atas. Selain itu, duti eksport telah dikecualikan terhadap 1.25 juta tan minyak sawit yang dieksport bagi meningkatkan aktiviti eksport dalam perusahaan ini.

Di samping itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (*MPOB*) telah ditubuhkan pada 1 Mei 2000 bertujuan membantu mempromosi dan meningkatkan industri minyak sawit negara. Kewujudan pelbagai syarikat dan ladang kelapa sawit telah membantu meningkatkan industri kelapa sawit yang menjadi salah satu penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara.

Kerjasama dan Kepentingan R & D

Kesudian pihak IJM Plantation Sdn. Bhd. untuk menjalankan kerjasama pintar ini bukan sahaja dapat menunjukkan imej baik syarikat sebagai salah sebuah syarikat dan ladang terbesar pengeluar kelapa sawit di negara, tetapi dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti R&D khususnya dalam produktiviti kelapa sawit negara. Saya difahamkan, kerjasama ini akan melibatkan tiga bidang persefahaman utama iaitu:

1. Penyelidikan dan Pembangunan (*R&D*) dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti, iaitu:
 - i) *Identification and Development of New Crops: Herbals*
 - ii) Kaedah Piawaian Minyak Kelapa Sawit
 - iii) *Genetic Improvement of the Cultivated Oil Palm* dan beberapa bidang lain.

Semua ini akan diperbincangkan dengan lebih lanjut di antara kedua pihak.

2. Program Latihan Pendidikan bagi membenarkan pelajar dan tenaga akademik menjalankan kerja lapangan, atau kajian dalam kursus-kursus tertentu seperti mikrobiologi tanah, hidrologi, pemantauan sekitaran, sains tanah, biometri dan lain-lain. Malah, setakat ini pihak IJM Plantation Sdn. Bhd. telah menerima sembilan orang pelajar UMS untuk menjalankan latihan industri selama 10 minggu. Syabas dan ribuan terima kasih diucapkan.
3. Penganjuran aktiviti berbentuk persidangan, seminar, bengkel dan kursus dalam bidang-bidang berkaitan.

Sebagai sebuah universiti berinovatif, UMS akan terus komited dan berusaha ke arah kecemerlangan dalam pelbagai aspek penyelidikan. Kerjasama seperti ini, bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Malah perkara yang harus diambil perhatian adalah pembangunan bidang penyelidikan dan pembangunan atau *R&D* itu sendiri.

Sesungguhnya, kejayaan dan kemajuan sesuatu negara itu banyak bergantung kepada kemajuan *R&D* yang dilakukan oleh masyarakat negara tersebut. Kebangkitan semula Jepun misalnya digeruni sebagai kuasa ekonomi Asia oleh masyarakat Eropah. Ini kerana komitmen dalam bidang *R&D* mereka yang begitu tinggi untuk menghasilkan produktiviti yang berkualiti.

Kerajaan juga telah menekankan agar semua institusi pengajian tinggi (IPT) termasuklah UMS, memainkan peranan masing-masing bagi meningkatkan martabat *R&D* negara dalam pelbagai bidang. Oleh yang demikian, UMS akan terus menerima apa juga bidang kerjasama yang ingin dilakukan, sama ada dengan badan-badan swasta, awam, IPT di dalam mahupun di luar negara dan lain-lain organisasi, termasuklah kerjasama yang kita akan meterai sebentar nanti.

Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak universiti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk, kerana sudi hadir menyaksikan majlis menandatangani persefahaman ini. Kehadiran YB Datuk diharapkan dapat memberi semangat dan usaha yang tinggi, bagi mencapai objektif kerjasama ini. Sesungguhnya, usaha ini merupakan salah satu langkah yang perlu dilakukan dan mendapat sokongan daripada mana-mana pihak termasuklah pihak kerajaan demi meningkatkan *R&D* dalam industri kelapa sawit negara.

Kepada pihak IJM Plantation Sdn. Bhd., setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kerana memberi peluang kepada UMS untuk melakukan kerjasama ini. Diharapkan melalui majlis rasmi seperti ini akan memberi petanda baik ke arah kerjasama yang berkekalan dan mencapai objektif yang diharapkan.

Ucapan di Majlis Memorandum Persefahaman diantara Universiti Malaysia Sabah dengan IJM Plantation Sdn. Bhd. di Galeri Aras 3, Bangunan Canselori pada 15 November 2001.